

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR
BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]**

SOALAN

**TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA menyatakan:**

- (a) data terkini pemain industri yang terkait di bawah pelancongan dan kebudayaan; dan
- (b) berapa jumlah mereka yang tidak layak menerima bantuan dan mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa prihatin dan berusaha untuk membantu para pemain industri pelancongan dan kebudayaan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

2. Dalam hal ini, Kerajaan telah melancarkan beberapa pakej rangsangan ekonomi seperti PENJANA, PEMERKASA, PEMULIH dan PEMERKASA Plus yang bertujuan untuk memulihkan ekonomi dan memastikan kesinambungan perniagaan di samping berusaha mengekalkan pekerjaan rakyat.

3. Antara bantuan khas yang diberikan kepada industri pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan khas *one-off* kepada lebih 3,000 agensi pelancongan yang berdaftar dan berlesen dengan MOTAC termasuk hampir 700 syarikat-syarikat MM2H yang mempunyai lesen *inbound* di bawah MOTAC;
- (ii) Bantuan kewangan *one-off* kepada lebih 8,000 orang pemandu pelancong di seluruh negara;
- (iii) Bantuan khas *one-off* kepada lebih 3,000 pengendali inap desa di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia; dan
- (iv) Bantuan Kewangan Geran Khas Prihatin secara *one-off* kepada lebih 570 pengusaha spa dan pusat urutan kaki berdaftar dengan MOTAC.

NO. SOALAN : 263

4. Manakala bagi Sektor Kebudayaan pula, sehingga 30 November 2021, sebanyak 35 badan bukan kerajaan (BBK) Kebudayaan telah menerima bantuan kewangan untuk menganjurkan program berbentuk seni, budaya dan warisan. Bidang yang telah menerima bantuan termasuk kraftangan, muzik, penulisan, seni persembahan, seni mempertahankan diri, seni visual, tarian, teater dan warisan budaya.

5. Bantuan kepada penggiat kebudayaan di bawah Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni (KWAKKPS) pula telah disalurkan kepada 29 penerima setakat 30 November 2021. Penggiat seni yang terlibat berkecimpung dalam bidang kraf, teater, muzik, penulisan, seni visual, tarian dan warisan.

6. Sementara itu, terdapat juga permohonan yang tidak dapat diluluskan atas beberapa faktor. Antaranya adalah pemohon tidak mengemukakan maklumat atau dokumen sokongan yang lengkap bagi tujuan penyaluran bantuan serta permohonan yang dikemukakan tidak menepati syarat penganjuran program atau tidak berkaitan dengan bidang seni, budaya dan warisan.

Sekian, terima kasih.